



PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN

AHLI MUZIK GRED B27



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN AHLI MUZIK GRED B27

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
 - a. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
 - b. Kad Pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon mesti berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum Peperiksaan dimulakan.
3. Calon mesti mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Ujian ini hanya mengandungi **dua (2)** bahagian iaitu :

Bahagian I - Ujian Amali
Bahagian II - Ujian Bertulis

BAHAGIAN I – UJIAN AMALI

- a) Bermain alat muzik bersama kombo dan orkestra
- b) Membaca nota muzik
- c) Solo / Improvisasi

Masa : 30 minit

BAHAGIAN II – UJIAN BERTULIS

Bahagian ini mengandungi **50** soalan aneka pilihan dengan **4** pilihan jawapan dikemukakan (**Seksyen A**) dan **10** soalan subjektif yang perlu dijawab sendiri oleh calon (**Seksyen B**).

Seksyen A meliputi bidang–bidang berikut:

- a) **Pengetahuan tentang kesenian dalam dan luar negara** (20 soalan)
- b) **Pengetahuan Am Muzik** (20 soalan)
 - i) Seni muzik tradisional dalam dan luar negara
 - ii) Pengetahuan mengenai alat muzik kombo dan orkestra
- c) **Dasar – Dasar Kerajaan** (10 soalan)
Pengetahuan am tentang dasar-dasar kerajaan.

Soalan : 50 soalan (aneka pilihan)
Masa : 1 jam

CONTOH SOALAN :

Dalam sesuatu persembahan muzik orkestra, bilangan yang terbesar terdapat dalam

- | | | | |
|----|----------------------|----|----------------|
| A. | muzik <i>chamber</i> | C. | kombo |
| B. | koir | D. | simfoni |

Seksyen B meliputi bidang–bidang berikut:

Penyusunan Muzik Asas

pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penyusunan muzik asas termasuk penggunaan kod, harmoni, melodi dan sebagainya.

Soalan : 10 soalan (subjektif)
Masa : 1 jam